

## WATER ELEMENT ADAPTATION IN PAINTINGS IN MALAYSIA ADAPTASI ELEMEN AIR DALAM KARYA SENI CATAN DI MALAYSIA

Hamdan Shaarani <sup>1</sup>, Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin <sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Faculty of Art and Design, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus,  
32610 Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA

hamdan773@uitm.edu.my, nurad370@uitm.edu.my

Published: 19 April 2019

*eISSN: 2550-214X © 2019. The Authors. Published for Ideology Journal of Arts and Social Science by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.*

Air merangkumi hampir 71% planet kita. Menurut Morgan Naetterlund (2008) dalam penulisannya, ini menjadikan air sebagai elemen penting untuk disimulasikan apabila menggambarkan persekitaran luaran pada dunia komputer. Simulasi air hampir selalu boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian fizikal dan bahagian visual. Dalam menggambarkan bahagian fizikal, manusia boleh menggambarkan nya dengan merasai pengalaman sendiri di persekitaran luar. Manakala bahagian visual pula, manusia boleh menggambarkannya dengan cara mengambil gambar atau melalui lukisan secara langsung.

Apabila berbicara mengenai air, dalam seni catan juga tidak mengabaikan kekuatan elemen ini. Air memberi efek yang sangat menarik. Penggunaan air sebagai subjek dalam seni catan juga dikategorikan sebagai impresionisme kerana melibatkan persekitaran alam. Iltizam Odisi (2017) juga ada menyatakan dalam penulisan blog beliau, manifestasi terawal pelukis-pelukis catan adalah berkaitan dengan penggambaran perkara-perkara yang natural seperti yang dilahirkan melalui karya-karya lanskap, alam benda dan potret. Secara tidak langsung ia menunjukkan pengaruh prinsip-prinsip naturalisme Eropah yang dibawa oleh pelukis-pelukis Inggeris pada abad ke-18 dan 19. Perkara ini disokong oleh Mulyadi Mahamood (2001).

Antara pelukis yang menggunakan elemen air dalam karya mereka adalah Raja Azhar, Hamdan Shaarani dan Ajis Mohamad. Pengkarya-pengkarya ini menggunakan elemen air sebagai subjek mereka dalam berkarya. Antara karya yang dihasilkan adalah:-



**Figura 1 : REFLEKSI # JERNIH** Hamdan Shaarani 242 x 152cm  
Oil on canvas 2013

Karya figura 1 adalah karya Hamdan Shaarani yang dipamerkan di G13 Gallery (2013). Ia merupakan pameran duo Hamdan Shaarani bersama dengan Nyaman Sujana Kenyem. Menurut TS Hung (2013), pameran ini berlandaskan tema yang memberi sentimental dalam penghargaan untuk waktu hidup lebih mudah dan keadaan lajunya lebih perlahan dan berperikemanusiaan. Menurut beliau lagi, selain nostalgia, ia jelas caranya yang menyegarkan untuk membingkai sentimennya dengan komposisi estetika dinamik dan mata yang tajam untuk yang mendalam adalah unik dan berwawasan. Unsur air dan pantulan pada permukaannya seperti yang disebutkan pada introspeksi, dengan kehadiran 'diri' yang hilang dalam kontemplasi tersirat dalam karya- karya ini. Walau bagaimanapun, seseorang boleh menambah aspek kerohanian kerana air adalah simbol jiwa, sifat-sifat misteri dan pemurnian. Air memainkan banyak bahagian dalam upacara agama atau amalan rohani.



Figura 2 : WET, WET Raja Azhar Idris 60 x 76 cm  
Oil on canvas 1995

Karya (figura 2) Raja Azhar Idris ini merupakan karya catan beliau yang sangat popular kerana kesan refleksi airnya. Siri karya ini merupakan siri karya yang memberi refleksi kepada kehidupan kotaraya. Dalam siri ini, pengkarya ingin menunjukkan sudut sisi pembangunan kotaraya dan kesannya. Menggunakan refleksi air sebagai efek, ia memberi satu anjakan paradigma dalam dunia seni catan Malaysia.

Pengolahan air dalam karya memerlukan pemerhatian yang teliti dan teknik yang betul. Morgan Naetterland (2008) menegaskan air memberi banyak pantulan yang berlainan dalam satu adegan mungkin memakan masa untuk divisualkan dan bergantung kepada teknik yang digunakan. Justeru itu, pengkarya yang ingin divisualkan air dalam karya mereka perlu mempelajari teknik- teknik dalam menguasai efek elemen air.



Figura 3 : BLACK HAWKBILL Ajis Mohamad 122 x 91 cm  
Oil on canvas 2009

Seperti yang dapat dilihat dalam karya figura 3, elemen air tidak la ditonjolkan secara terus dengan refleksi atau pantulan cahaya pada air, tetapi pengkarya iaitu Ajis Mohamad berjaya memberi kesan air kepada penonton. Ini kerana kehidupan air sahaja mampu menunjukkan kesan elemen air yang kuat. Pengolahan warna-warna sejuk cukup untuk menggambarkan kuasa elemen air di dalam karya tersebut.

Komitmen dalam penghasilan karya yang menimbulkan elemen air dapat disaksikan dalam karya-karya yang dibincangkan. Pengolahan dan penggunaan elemen air memberi satu pendekatan kepada penonton untuk lebih memahami akan karya yang dihasilkan. Adaptasi elemen air perlu diteruskan dan dikembangkan lagi dalam dunia seni catan di Malaysia untuk masyarakat lebih menghargai penghasilan karya ini. Juga menunjukkan bahawa subjek yang berunsurkan alam ini masih relevan dan ada tarikan nya yang tersendiri.

## RUJUKAN

- Morgan Naetterlund, 2008. Water Surface Rendering, UMEA University  
<http://www8.cs.umu.se/education/examina/Rapporter/MorganNaetterlund.pdf>
- Iltizam Odisi, 2017. Impresionisme Dan Perkembangan Seni Catan di Malaysia  
<http://iltizamodisi.blogspot.com/2017/11/impresionisme-dan-perkembangan-seni.html>
- Muliyadi Mahamood. 2001. Seni Lukis Moden Malaysia: Era Perintis hingga Era Pluralis (1930-1990).Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor.
- TS Hung, 2013. Introspection, G13 Gallery, Art Valley Sdn. Bhd. <https://g13gallery.com/exhibitions/kenyemhamdan-shaarani-two-solo-exhibition/> <https://www.mutualart.com/Artwork/WET--WET/98CD44AC737A7C92>  
<http://www.artmalaysia.org/artist/detail/626/ajis-mohamad>